



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PELANCARAN PENGGUNAAN APLIKASI BRUHEALTH BAGI MASJID
UNTUK MENUNAIKAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT PADA HARI
JUMAAT 29HB MEI 2020**

Tarikh: 23 Mei 2020

1. Merujuk siaran akhbar yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama pada hari Isnin, 18hb Mei 2020 mengenai pembukaan semula masjid untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat pada hari Jumaat 29hb Mei 2020.
2. Dalam pada itu, sebagaimana yang telah dimaklumkan, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menggunakan aplikasi BruHealth juga sebagai sistem kawalan bagi menentukan tahap kesihatan seseorang untuk bersembahyang di masjid.
3. Alhamdulillah, sukacita memaklumkan bahawa aplikasi BruHealth ini akan dapat digunakan bermula hari Isnin, 25hb Mei 2020 bermula jam 12.00 tengahari. Sehubungan itu, adalah dipohonkan orang ramai yang menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di masjid, hendaklah terlebih dahulu membuat tempahan slot untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat menerusi aplikasi BruHealth.
4. Sekiranya telefon bimbit yang digunakan adalah tidak *compatible*, adalah disarankan untuk mendapatkan Kod QR daripada laman sesawang



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

www.healthinfo.gov.bn bagi membuat tempahan slot untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di masjid yang ingin dikunjungi. Alhamdulillah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei akan bertugas di masjid-masjid bagi membantu mengimbas Kod QR berkenaan daripada telefon bimbit bagi sesiapa yang menunaikan sembahyang fardhu Jumaat nanti.

5. Pada hari ini, kita akan menyaksikan 3 video. Video pertama yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan ialah video cara penggunaan aplikasi BruHealth bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Manakala video kedua yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah video mengenai panduan Sembahyang Fardhu Jumaat. Video yang terakhir ialah panduan untuk mendapatkan kod sembahyang fardhu Jumaat bagi mereka yang tidak dapat mengakses aplikasi BruHealth.
6. Sukacita juga menasihatkan, mana-mana individu yang gagal membuat tempahan untuk menunaikan sembahyang Jumaat, samaada disebabkan oleh kesihatan atau tidak mendapat slot sembahyang Jumaat, adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri diri ke masjid bagi mengurangkan kesesakan masuk ke kawasan masjid dan sebagainya.
7. Bagi warga asing, sukacita juga dapat mengongsikan maklumat ini kepada rakan-rakan yang kurang mahir berbahasa melayu dan seterusnya menggalakkan memuat turun aplikasi BruHealth bagi digunakan aktiviti harian dan menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

8. Sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, walaupun kita akan mula menggunakan semula masjid, kita hendaklah terus berwaspada untuk mengelakkan jangkitan yang tidak terkawal terutamanya dengan kita mematuhi peraturan-peraturan ke masjid. Mudah-mudahan kitani akan dapat ke masjid dengan selamatnya hinggalah masjid-masjid dibuka semula seperti biasa.